

TEKS UCAPAN BAJET 2018

**YAB DATO' SERI AZLAN BIN MAN
MENTERI BESAR PERLIS**

ENAKMEN PERBEKALAN TAHUN 2018

**SELASA, 12 DISEMBER 2017
DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS**

**“MEMACU PEMBANGUNAN NEGERI, MENGUTAMAKAN
KEBAJIKAN DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT.”**

MUKADDIMAH

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil A'lamin Wabihi Nastain

Yang Berhormat Dato' Speaker,

1. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bertajuk "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

2. Marilah kita sama-sama mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dapat berhimpun di dalam Dewan pada pagi yang mulia ini dan untuk dapat saya membentangkan Bajet 2018 bagi Negeri Perlis.

3. Kemungkinan besar ini adalah sidang dewan kita yang terakhir sebelum ia dibubarkan untuk PRU-14. Mungkin ada di antara kita yang tidak lagi akan menjadi anggota Dewan, dan mungkin juga ada di antara kita yang akan kekal selepas PRU-14 berakhir.

4. Pertamanya, saya ingin mengambil kesempatan di sini merakamkan ucapan menjunjung setinggi-tinggi kasih terhadap DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibnu Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail atas kepercayaan dan amanah baginda kepada barisan kepimpinan negeri dalam meneraju, mengurus, mentadbir dan membawa agenda pembangunan untuk memajukan negeri.

5. Kepercayaan dan amanah yang diberikan oleh DYMM Tuanku Raja dan seluruh rakyat Perlis pastinya akan dilaksanakan dengan sebaik mungkin oleh barisan pentadbiran dalam memacu kesinambungan pembangunan negeri. Anggota pentadbiran negeri dan seluruh warga pentadbiran awam negeri akan terus istiqamah dan bekerja kuat dalam memikul amanah besar ini.

6. Sebagaimana firman Allah dalam surah At Taubah Ayat 105;

﴿ وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ

الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾ التوبة: ١٠٥

Dan Katakanlah: "Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

7. Tertegaknya sesebuah Kerajaan, negara dan jati diri sesebuah bangsa bukanlah secara tiba-tiba. Sebaliknya ia dibina dalam satu jangka waktu panjang, bukan sahaja bertahun-tahun, malah berdekad-dekad lamanya. Ia juga menagih perancangan yang teliti dan berwawasan, usaha bersungguh-sungguh, kerja keras yang tidak kenal penat-lelah, dan keringat yang tidak pernah kering. Begitulah terbangunnya tamadun-tamadun manusia yang berjaya dari dahulu hingga

sekarang. Tiada satu pun yang tumbuh dengan sekelip mata. Tetapi kehancuran boleh berlaku sekelip mata. Kerana itu kita harus berhati-hati dalam memilih.

8. Di zaman yang penuh dengan pelbagai cabaran ini, dengan kecanggihan teknologi yang sentiasa bertukar-ganti, ia juga turut menuntut barisan kepimpinan dan perkhidmatan awam yang berfikiran aras tinggi, berwawasan, kreatif, inovatif, sensitif dan prihatin. Seperti kata Tan Sri Dr. Zakri Abdul Hamid, Penasihat Sains kepada YAB Perdana Menteri dalam artikelnya di the New Straits Times kelmarin, 11 Disember, "*We need all brains on deck....there has never been a more pressing for curious, innovative and creative thinkers...in Malaysia*".

9. Alhamdulillah, Malaysia sejak merdeka di tahun 1957 hingga kini, telah melakar banyak kejayaan yang membanggakan. Perlis turut mendapat manfaat hasil dari arus pembangunan yang telah dibawa, sedang dan akan dilaksanakan di negara bertuah ini.

10. Bajet 2018 digubal khusus oleh Kerajaan pimpinan Barisan Nasional untuk kesejahteraan hidup rakyat jelata. Bajet

ini tidak akan mengkesampingkan dan menganaktirikan sesiapa pun. Seluruh rakyat negeri ini akan mendapat manfaat dari bajet yang saya bentangkan ini. Ini adalah bajet yang telah digarap dan dirangka dengan mengambilkira detik hati dan keperluan rakyat. Sesungguhnya, Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bersifat konsisten di dalam memastikan faedah dari bajet ini akan membawa kita ke hadapan demi kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

11. Mungkin ada yang akan mengatakan ini adalah bajet pilihanraya. Saya akui bahawa ini memang bajet pilihanraya kerana kebetulan PRU-14 akan diadakan pada tahun 2018. Bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa bajet kita tiap-tiap tahun selama lima tahun ini sejak PRU-13 adalah bajet pilihanraya. Kita jadikan ia bajet pilihanraya kerana Kerajaan ini ingin memenuhi janji-janjinya semasa PRU-13 dahulu.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

PRESTASI EKONOMI SEMASA

12. Ekonomi Malaysia telah mencapai tahap yang memberangsangkan dengan pertumbuhan Keluaran Dalam

Negara Kasar (KDNK). Ia meningkat kepada 6.2% pada suku ketiga tahun 2017 berbanding 5.8% yang direkodkan pada suku tahun kedua, yang kedua tertinggi di dunia. Pencapaian ini mengatasi unjuran awal yang dibuat oleh penganalisis dan ahli ekonomi iaitu pada kadar 5.4%.

13. Pada suku ketiga, kadar inflasi berkurang kepada 3.8%. Rezab Antarabangsa (*International Reserves*) Bank Negara meningkat kepada USD101.5 billion (RM429 billion) pada 15 November 2017 berbanding USD94.3 billion (RM422.9 billion) pada awal tahun. Dengan prestasi pertumbuhan ini, negara akan kekal berdaya saing pada tahun 2018 dengan pertumbuhan KDNK di antara 5.0% ke 5.5%. Pendapatan per kapita juga dijangka meningkat 5.1% daripada RM40,713 pada 2017 kepada RM42,777 pada 2018.

14. Jika begini rekod pencapaian ekonomi kita, apakah mungkin negara akan jatuh bankrup seperti yang digembangkemburkan parti-parti Pakatan-tanpa-Harapan. Angka-angka ini tidak berbohong. Ia menggambarkan situasi sebenar ekonomi Malaysia. Yang jelas, apa yang ditularkan oleh parti-parti Pakatan-tanpa-Harapan yang dijeneralkan DAP adalah fitnah dan pembohongan semata-mata.

15. Agensi-agensi bebas antarabangsa turut mengakui dan mengiktiraf pencapaian negara. Berikut adalah senarai pengiktirafan yang telah dinobatkan untuk Malaysia di peringkat antarabangsa:

- Laporan Daya Saing Global 2017/2018 oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) meletakkan Negara Malaysia di tangga ke-25 daripada 138 buah negara yang mempunyai daya saing ekonomi terbaik di peringkat dunia;
- Bank Dunia meletakkan Malaysia di tangga 23 dari 190 negara dalam *ease of doing business*;
- *World Competitive Yearbook 2017* oleh *Institute of Management Development (IMD)* meletakkan Malaysia di tangga 24 di kalangan 63 Negara;
- *Global Peace Index 2017* yang diterbitkan oleh *The Institute Economics and Peace* meletakkan Malaysia di tempat ke-29 di kalangan 163 negara;
- *Bloomberg Innovation Index 2017* meletakkan Malaysia di tangga 23 di kalangan 60 Negara;

- *Global Innovation Index* meletakkan Malaysia di kedudukan ke-37 di kalangan 127 negara; dan
- Malaysia negara ke 15 paling efisien dalam perbelanjaan Kerajaan mengatasi negara Eropah dan Asia seperti Finland, China, Sweden dan Jepun.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

16. Kedudukan atau *ranking* ini adalah penobatan antarabangsa terhadap negara kita. *All Malaysians should stand tall and be proud off with all the accolades accorded by these independent international agencies to our country.*

17. Manakala Ringgit Malaysia semakin mengukuh. Kadar tukaran ringgit dan USD1.00 pada 11 Disember 2017 telah meningkat kepada RM4.07. Begitu juga kadar tukaran Ringgit ke Thai Baht telah meningkat kepada RM1.00 ke Thai Baht 8.01. Ini berita yang menggembirakan kepada rakyat Perlis yang suka menyeberang sempadan untuk membeli-belah.

18. Ekonomi Malaysia mencapai kemajuan ketara semenjak kemerdekaan melalui pertumbuhan memberangsangkan yang

dipacu oleh beberapa siri wawasan mulai tahun 1970-an. Bermula dengan Dasar Ekonomi Baru, kemudiannya Wawasan 2020, diteruskan dengan Dasar Transformasi Negara dan terkini Dasar Transformasi Nasional 2050. TN50 akan melonjak negara bagi 30 tahun seterusnya agar kekal relevan, berdaya saing, dan meletakkan Malaysia di kalangan 20 negara termaju di dunia.

19. Malangnya, saya tidak nampak sejak merdeka hingga sekarang, parti-parti lain mempunyai wawasan yang jauh ke hadapan. Apa yang dilakukan hanyalah menyebarkan fitnah, berbohong, memaki-hamun, *u-turn* dan memecah-belahkan rakyat Malaysia. Alhamdulillah, PAS dah tak buat dah benda-benda tu!!!

PRESTASI EKONOMI NEGERI PERLIS

20. Berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun 2016, Negeri Perlis mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.9 peratus berbanding 2.3 peratus pada tahun 2015. Nilai KDNK Negeri Perlis telah meningkat sebanyak 3.9% dari RM4.917 billion ringgit pada tahun 2015 kepada RM5.108 billion pada tahun 2016.

21. KDNK Perkapita Negeri Perlis juga menunjukkan peningkatan sebanyak 4.5% iaitu kepada RM22,479 pada tahun 2016 berbanding RM21,413 pada tahun 2015.

22. Keseluruhannya, struktur ekonomi Negeri Perlis masih didominasi oleh sektor perkhidmatan sebanyak 64.3 peratus, diikuti sektor pertanian sebanyak 21.6 peratus dan sektor pembuatan sebanyak 8.1 peratus. Sektor pembinaan pula menyumbang 3.4 peratus diikuti perlombongan dan pengkuarian sebanyak 0.7 peratus.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

23. Sumbangan Negeri Perlis kepada pertumbuhan KDNK negara masih kecil. Salah satu sebabnya ialah Perlis masih belum berkeupayaan untuk mengeksploitasi sepenuhnya potensi-potensi ekonomi yang dimilikinya. Sebahagian besar rakyat masih bergantung kepada sektor ekonomi tradisional seperti pertanian, dan masih melaksanakan aktiviti pertanian secara tradisional.

24. Tidak dapat dinafikan, sektor perkhidmatan menjadi penyumbang ekonomi terbesar di Perlis. Bagaimanapun potensi sebenar sektor ini belum dieksploitasi sepenuhnya.

Sektor perkhidmatan masih berpusat kepada aktiviti tradisional seperti industri makanan dan kedai makan, *packaging* dan pengangkutan, perhotelan, perbankan tradisional dan lain-lain.

25. Tidak dinafikan sektor-sektor ini kekal relevan dan perlu dilonjakkan untuk dimanfaatkan potensi ekonominya, dan menyumbang pada kadar yang lebih besar kepada ekonomi negeri dan negara.

26. Sektor perkhidmatan di mana Perlis memiliki kelebihan kompetitif dan komparatif akan menjadi pemacu ekonomi utama apabila hub lojistik di Padang Besar dan CVIA akan menyaksikan peningkatan taraf perkhidmatan ICD sedia ada dan pewujudan pelabuhan darat yang baru. Manakala kawasan Sanglang pula akan menyaksikan pewujudan sebuah jeti bersepadu tidak lama lagi yang mempunyai potensi ekonomi yang agak besar untuk Perlis.

27. Sektor pembuatan dalam struktur ekonomi negeri pula masih kecil dan tidak menunjukkan pertumbuhan yang positif. Ini adalah disebabkan lokasi Perlis yang jauh ke utara dan tidak berada di dalam radar pelabur-pelabur industri pembuatan. Di Utara pelabur-pelabur lebih memilih Pulau Pinang, Sungai Petani, Tikam Batu dan Kulim yang sedia mempunyai atau

hampir dengan prasarana asas yang diperlukan. Ketiadaan prasarana yang mencukupi sering dijadikan alasan untuk menjadikan Perlis sebagai destinasi pelaburan mereka. Ini diharap menjawab soalan-soalan yang sering dilontarkan kenapa Perlis, menurut rekod pelaburan MIDA, tidak menerima pelaburan dalam tempoh 2015-2017.

28. Iklim pelaburan dan potensinya dalam sektor pembuatan akan berubah dengan wujudnya Kawasan Perindustrian Lembah Chuping (CVIA) dan Kawasan Industri Pauh Putra. Kawasan Industri Pauh Putra telah pun menerima pelaburan dianggar berjumlah RM35 juta pada tahun ini untuk membina sebuah kilang memproses benih-benih tropika. Malangnya satu lagi pelaburan besar dianggar berjumlah RM900 juta tidak diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan kerana halangan Basel Convention yang telah ditandatangani oleh Malaysia.

29. CVIA akan menyediakan prasarana asas yang diperlukan dan akan menjadi tarikan pelabur-pelabur. Pelan Induk CVIA akan menyaksikan prasarana asas akan siap dibina dalam tempoh 10 tahun melalui dua fasa: Fasa Pertama tahun 2016-2020 dan Fasa Kedua tahun 2021-2025.

30. CVIA juga bakal membuka peluang pelaburan dalam sektor tenaga hijau boleh diperbaharui. In-sya-Allah, Perlis bakal menjadi hos untuk pelabur-pelabur dalam bidang perladangan solar dan industri yang berkaitan dengan solar. Bagaimana pun hasil usaha ini tidak akan berlaku dalam jangka pendek. Bak kata pepatah, “benih yang disemai bukan boleh terus dituai”.

Yang Berhormat Dato’ Speaker,

31. Lima tahun yang lalu, jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) yang miskin tegar di Perlis berjumlah 342 berbanding tahun 2016 seramai 81. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 76%. Mengikut rekod Kerajaan Negeri jumlah KIR sehingga kini turun kepada 46. Dengan komitmen Kerajaan Negeri dan sokongan semua pihak adalah tidak mustahil, kemiskinan tegar di Perlis akan dapat disifarkan.

32. Kesemua indicator ekonomi ini menunjukkan bahawa kualiti dan taraf hidup rakyat Negeri Perlis semakin meningkat dan mencerminkan kejayaan perancangan dan pelaksanaan dasar Kerajaan yang sentiasa memberi keutamaan kepada pertumbuhan sosio-ekonomi secara adil dan saksama.

PERUNTUKAN BAJET 2018

33. Mengambil kira usaha dan iltizam mencapai aspirasi Malaysia sebagai antara 20 negara terbaik di dunia, dan Gagasan TN50, Bajet 2018 bermatlamat untuk melonjak pembangunan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Ini bertepatan tema bajet 2018, iaitu “**Memacu Pembangunan Negeri, Mengutamakan Kebajikan Demi Kesejahteraan Rakyat**”.

34. Bajet 2018 Negeri Perlis memperuntukkan sejumlah **257.33 juta ringgit** bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Ini menunjukkan peningkatan bajet sebanyak 29.47% atau 58.57 juta ringgit berbanding Bajet 2017.

35. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **164.52 juta ringgit** diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus dan **92.81 juta ringgit** untuk Perbelanjaan Pembangunan.

Perbelanjaan Mengurus

36. Belanja Mengurus meningkat sebanyak **13.27 juta ringgit** manakala peningkatan dalam Belanja Pembangunan adalah sebanyak **46.44 juta ringgit**. Peningkatan belanja mengurus

adalah disebabkan peningkatan dalam Emolumen serta peruntukan Perkhidmatan dan Bekalan demi menambah baik penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat.

37. Anggaran peruntukan Emolumen berjumlah **53.81 juta ringgit** berbanding **50.06** juta ringgit pada tahun 2017. Manakala **70.77 juta ringgit** bagi **Perkhidmatan dan Bekalan** iaitu meningkat sebanyak 7.11 juta ringgit.

38. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja penyenggaraan kecil bangunan-bangunan Kerajaan Negeri yang kebanyakannya berusia lebih 10 tahun. Begitu juga dengan harga kontrak Kerajaan seperti kawalan keselamatan dan kebersihan bangunan Kerajaan.

39. Peruntukan bagi Objek Am yang lain adalah **2.71 juta ringgit** untuk **Aset**, **46.88 juta ringgit** bagi **Pemberian dan Kenaan Tetap** dan **Lain-lain Perbelanjaan RM0.86 juta ringgit**.

Perbelanjaan Pembangunan

Yang Berhormat Dato' Speaker,

40. Bagi peruntukan **pembangunan**, sejumlah **92.81 juta ringgit** disediakan atau 36.07% dari keseluruhan peruntukan. Sebanyak 57 juta ringgit daripada peruntukan ini adalah dalam bentuk pinjaman dari Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan Kompleks Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bersebelahan dengan Kompleks Dewan Undangan Negeri ini. Peruntukan pembangunan pada kali ini adalah yang tertinggi dalam tempoh 10 tahun.

41. Bagi perbelanjaan pembangunan, sebanyak **23.3 juta ringgit** diperuntukkan bagi projek-projek menaik taraf infrastruktur awam asas seperti pembinaan jambatan, titi-titi luar bandar, pembinaan gerai, surau, dewan dan masjid. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri mendapat peruntukan dari Kerajaan Persekutuan di bawah **Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP)** tahun 2018.

42. **Pengagihan peruntukan pembangunan** bagi tahun 2018 diberikan kepada **enam (6) Agensi Pelaksana** yang utama

bagi tujuan memenuhi keperluan pembangunan semua sektor. Pengagihan peruntukan kepada enam agensi berkenaan adalah seperti berikut:

- i) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri - **12.97 juta ringgit;**
- ii) Jabatan Kerja Raya - **64.04 juta ringgit;**
- iii) Jabatan Pengairan dan Saliran - **8.90 juta ringgit;**
- iv) Jabatan Pertanian - **3.53 juta ringgit;**
- v) Jabatan Perkhidmatan Veterinar - **3.12 juta ringgit;**
dan
- vi) Jabatan Perhutanan - **0.25 juta ringgit**

Hasil Kerajaan Negeri

Yang Berhormat Dato' Speaker,

43. Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 dianggarkan berjumlah **103.04 juta ringgit**. Ini adalah anggaran terhampir kepada keadaan sebenar. Sumber-sumber hasil Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

- i) Hasil Cukai - 19.30 juta ringgit;
- ii) Hasil Bukan Cukai - 23.58 juta ringgit; dan
- iii) Terimaan Bukan Hasil - 60.16 juta ringgit.

44. Anggaran Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak **21.76 juta ringgit** atau 26.8% berbanding 81.29 juta ringgit pada tahun 2017. Unjuran ini dibuat berdasarkan pencapaian sebenar kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi dua tahun yang lepas melebihi 100 juta ringgit bagi tahun 2016 dan 2017.

45. Seperti janji saya sebelum ini, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan kutipan hasil tahunan. Antara usaha yang telah dijalankan termasuklah program pemutihan pelanggaran syarat tanah, penjualan pokok jati yang telah matang, mengemaskini kadar sewa tapak menara telekomunikasi dan mengemaskini kadar royalti hasil hutan, premium dan fi pelbagai di bawah Jabatan Perhutanan.

46. Dengan Anggaran Hasil yang berjumlah 103.04 juta ringgit dan Anggaran Perbelanjaan Mengurus yang dianggarkan berjumlah 175.03 juta ringgit, Kerajaan Negeri akan mengalami **defisit** tahunan yang dianggarkan berjumlah **71.99 juta ringgit**.

47. Jumlah defisit ini menunjukkan penurunan sebanyak 8.48 juta ringgit iaitu 10.54 peratus berbanding defisit tahun 2017 berjumlah 80.47 juta ringgit. Ini juga adalah janji saya untuk terus mengurangkan defisit.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

48. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk merapatkan jurang antara hasil dan perbelanjaan negeri. Suka saya menjelaskan bahawa perbelanjaan defisit bukanlah sesuatu yang buruk sepenuhnya kerana ia melambangkan dasar fiscal

berkembang atau *expansionary fiscal policy*. Dasar ini sebenarnya meletakkan lebih banyak tunai di tangan rakyat. Ia boleh meningkatkan kebolehan rakyat untuk berbelanja. Melalui kesan gandaan, tunai yang dibelanjakan rakyat kesan limpahan ekonomi adalah jauh lebih besar. Ini tentu baik untuk ekonomi berkembang maju.

49. Baru-baru ini sebuah akhbar tempatan telah melaporkan berhubung kedudukan kewangan Negeri Perlis tahun 2016 yang kurang memuaskan berdasarkan laporan Ketua Audit Negara yang dibentangkan di Parlimen. Suka saya menjelaskan bahawa defisit terkumpul berjumlah 406.98 juta ringgit adalah defisit terkumpul sejak sekian lama dahulu. Defisit sebenar tahun 2016 hanya berjumlah 22.42 juta ringgit. Ia adalah defisit terendah yang pernah direkodkan sejak 2011.

50. Akibat hutang-hutang terdahulu dan pendahuluan yang dibuat dengan Kementerian Kewangan, Kerajaan Negeri menghadapi cabaran aliran tunai apabila hasil negeri dipotong terus secara automatik bagi tujuan pembayaran hutang sebanyak 38.7 juta ringgit pada tahun 2017 dan sebanyak 59.7 juta ringgit pada tahun 2018. Ini adalah warisan yang perlu ditanggung oleh Pentadbiran hari ini.

51. Kerajaan Negeri sedang merangka anjakan besar atau *leap frogging* melalui pembangunan negeri yang berimpak tinggi, mempunyai kesan limpahan (*spin-off effect*) dan mampan bagi mengeluarkan Perlis dari belenggu belanjawan defisit ini. Saya yakin dalam tempoh tidak lebih dari 5 tahun, isu belanjawan defisit ini boleh diatasi sepenuhnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

52. Bersesuaian dengan tema bajet kali ini, Kerajaan Negeri memberi penekanan kepada dua strategi utama iaitu memacu pembangunan dan mengutamakan kebajikan demi kesejahteraan rakyat.

53. Melalui pemacuan pembangunan ini, Kerajaan Negeri berharap dalam suatu tempoh yang tidak terlalu lama, masalah **pergantungan rakyat** yang agak tinggi kepada Kerajaan untuk meneruskan kehidupan akan dapat ditangani dan diatasi dengan sebaik-baiknya.

MEMACU PEMBANGUNAN NEGERI

Menaiktaraf Infrastruktur

54. Sebanyak **13.5 juta ringgit** disediakan untuk menaiktaraf infrastruktur. Dari jumlah ini, **6.4 juta ringgit** disediakan untuk **infrastruktur luar bandar** seperti membina baru dan menaiktaraf sistem parit dan saluran, titi konkrit, lintasan tali air, surau serta dewan orang ramai.

55. Sebanyak **4.2 juta ringgit** disediakan bagi menaiktaraf persimpangan dan jalan. Suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah melaksanakan dasar menaiktaraf persimpangan jalan untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalanraya dan mengurangkan kesesakan lebih dua tahun lalu. Usaha menaiktaraf simpang ini akan diteruskan tahun ini.

56. Untuk meningkatkan kekesanan dan keselesaan rakyat, beberapa jalan kampung akan dinaiktaraf dari satu lorong kepada dua lorong. Keutamaan akan diberikan kepada menaiktaraf jalan-jalan yang tidak melibatkan pengambilan balik tanah. Antara jalan yang dikenalpasti adalah Jalan Kampung Penghulu Jaafar (Santan), Jalan Kubang Bembam,

Jalan Kubang Tiga (Chuping), Jalan Kampung Alor Redis ke Kampung Behor Gelam (Tambun Tulang), Jalan Kampung Sempering (Sena) dan Jalan Kampung Batu 5 ke Tok Kaya (Kayang) dan Jalan Tepi Sungai Kg. Kota Keran.

57. Di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) peruntukan sebanyak 3.5 juta ringgit telah disediakan bagi projek jalan perhubungan desa. Kerajaan Negeri akan menyelaraskan dengan KKLW dalam usaha menaiktaraf jalan-jalan kampung yang dicadangkan.

58. Manakala **2.9 juta ringgit** lagi untuk infrastruktur lain termasuk menaiktaraf masjid, pondok bas dan jambatan di luar kawasan MADA.

59. Sebanyak **30.0 juta ringgit** turut disediakan bagi menyenggara jalan-jalan di seluruh Negeri Perlis yang berdaftar di bawah **MARRIS**. Kerajaan Negeri akan terus berusaha dan untuk menaiktaraf jalan-jalan kampung supaya ia dapat didaftarkan di bawah MARRIS dan dapat menggunakan peruntukan yang disediakan untuk menyenggara jalan-jalan tersebut. Kerjasama juga akan dijalin dengan pihak MADA untuk mengenalpasti jalan-jalan MADA yang boleh dinaiktaraf untuk didaftarkan di bawah MARRIS.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kemajuan Luar Bandar – Pemasangan Lampu Jalan

60. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang telah telah memperuntukkan sebanyak 1.8 juta ringgit pada tahun 2017 bagi tujuan pemasangan lampu jalan. Dengan peruntukan ini sebanyak 1,757 unit lampu jalan kampung (LJK) telah dipasang di seluruh negeri Perlis merangkumi 1,500 unit jenis *High Pressure Sodium Vapour (HPSV) 150W* dan 257 unit jenis *LED 90W*. Lampu Jalan Kampung ini dipasang di ketiga-tiga kawasan Parlimen iaitu Kangar sebanyak 584 unit, Arau 586 unit dan Padang Besar 587 unit.

61. Bagi meneruskan usaha ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak **1 juta ringgit** pada tahun 2018 untuk pemasangan 1,000 unit lampu jalan lagi. Antara jalan yang terlibat adalah Jalan Jelempek, Jalan Pauh dan Jalan Cikgu Ali. Ini termasuk projek berfasa di Jalan Balai Baru ke Bukit Keteri dan Mata Ayer, serta pemasangan lampu di persimpangan Jalan Tambun Tulang, Simpang Long Boh dan

Simpang Mata Ayer. Dengan pemasangan lampu di jalan-jalan kampung serta persimpangan jalan, diharapkan jumlah kemalangan dapat dikurangkan dan keselamatan pengguna lebih terjamin.

Program Tebatan Banjir

62. Kerajaan Negeri amat memahami dan prihatin masalah banjir yang dihadapi oleh rakyat. Ada berita yang disebarkan bahawa banjir yang melanda Perlis bulan September lepas berpunca dari Projek Lencongan Banjir Barat yang tidak dapat disiapkan mengikut jadual. Punca utama banjir tersebut adalah pelbagai - hujan yang turun pada kadar yang luar biasa; air pasang besar dari laut yang bergerak ke hilir sungai; keadaan topografi sebahagian kawasan terutama di Kangar seperti Tebing Tinggi, Kampong Bakau, Panggau, Kota Keran, Tok Kuning yang berada di bawah paras laut; sistem perparitan kampung-kampung yang tersumbat akibat tindakan manusia; dan aktiviti penambakan tanah-tanah persendirian yang menutup jalan-jalan air semula jadi.

63. Tidak dapat dinafikan, kesan sampingan akibat dari pembinaan Sistem Tebatan Banjir Barat itu sendiri telah

menyumbang kepada berlakunya banjir di kawasan-kawasan tertentu seperti di Tebing Tinggi, Teluk Kachang, Wang Ulu, Wang Besar, Belanga Puduk dan Behor Janggus. Kita juga harus faham, projek Sistem Tebatan Banjir Barat bertujuan untuk mengurangkan risiko berlaku banjir, bukannya untuk mengatasi banjir dari berlaku sepenuhnya.

64. Walau apapun, Kerajaan Negeri ingin mengucapkan tahniah, syabas dan penghargaan kepada semua agensi Negeri dan Persekutuan yang telah bekerja bertungkus-lumus dalam menguruskan mangsa-mangsa banjir dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab. Apa yang dapat dibuktikan ialah, sistem pengurusan banjir dan mangsa banjir cekap dan berkesan kerana ia terus berjalan tanpa menunggu arahan terlebih dahulu dari kepimpinan negeri apabila banjir berlaku.

65. Kerajaan Negeri amat prihatin dan bersimpati dengan mangsa-mangsa banjir yang terlibat. Ramai yang kehilangan punca pendapatan selama beberapa hari, harta-benda rosak dan musnah, dan keselesaan hidup terjejas. Malah ada juga mangsa yang terpaksa mengharungi banjir ini lebih dari sekali termasuk bulan November lepas. Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan prihatin, saya ingin mengumumkan sejumlah **bantuan kewangan** akan diberikan kepada keluarga

mangsa banjir yang terlibat. Bantuan kewangan ini akan diberikan setelah segala urusan kewangan terlibat diselesaikan.

66. Bagi menangani isu banjir ini, Kerajaan Negeri menyediakan sejumlah **11.6 juta ringgit** bagi program pencegahan banjir seperti menaiktaraf infrastruktur pengairan dan benteng, penyelenggaraan sungai, parit dan kolam takungan.

67. Bagi menambah baik perparitan dan sistem saliran setempat yang sering menyebabkan banjir kilat selepas hujan lebat, **sebanyak 5.9 juta ringgit** disediakan bagi penyelenggaraan tali air, parit, sungai dan kolam takungan.

68. Kerajaan Negeri turut menyediakan **3.0 juta ringgit** bagi membina sistem saliran tebatan banjir di ketiga-tiga kawasan Parlimen iaitu 1.0 juta ringgit bagi setiap kawasan Parlimen.

69. Bagi **Parlimen Kangar**, antara projek yang terlibat adalah di Kampung Alor Dahanan, Kampung Nesam Bintong, Kampung Wang Ulu dan Kampung Behor Janggus. Bagi **Parlimen Arau** antara kerja yang akan dilaksanakan adalah membina struktur kawalan tebatan banjir di Sungai Chempa, membina tebatan banjir di Kampung Jejawi Dalam, membina

tebatan banjir di Kampung Kubang Siput. Manakala bagi **Parlimen Padang Besar**, projek yang akan dilaksanakan adalah membina kolam takungan banjir, membina lencongan banjir dan saluran tebatan banjir Batu 16, Jalan Kaki Bukit.

70. Pada musim hujan lebat, kelajuan air sungai bertambah, ditambah dengan pelepasan air dari empangan Timah Tasoh menyebabkan tebing sungai yang rendah terdedah kepada hakisan dan risiko banjir. Bagi tujuan tersebut sebanyak **2.3 juta ringgit** disediakan untuk kerja menaiktaraf struktur kawalan tebing sungai utama di Perlis termasuk Sungai Korok, Sungai Abi, Sungai Repoh, Sungai Gial, Sungai Panggas, Sungai Santan dan Sungai Jernih. Projek ini dijangka dapat meningkatkan kapasiti aliran sungai sekaligus mengurangkan masalah banjir dan hakisan tebing.

71. Sebagai satu lagi usaha untuk menangani isu banjir ini, Kerajaan Negeri telah mencadangkan **pembinaan satu pintu air** (*water barrage*) di Sungai Perlis di satu lokasi yang sesuai. Kerajaan Negeri akan berbincang dengan Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan projek ini dilaksanakan dengan cepat.

72. Di bawah RMK-11, sebanyak RM332.1 juta diperuntukkan untuk Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh dan RM340 juta untuk menaiktaraf empangan Timah Tasoh Fasa 2 dan 3. Bagi tahun 2018, RM16 juta disediakan untuk projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh dan RM15 juta untuk menaiktaraf empangan Timah Tasoh Fasa 3.

MENGUTAMAKAN KEBAJIKAN

Projek Perumahan Rakyat

73. Demi keselesaan penghuni, Kerajaan Negeri menyediakan **1.6 juta ringgit** untuk pembaikan rumah di PPR Wang Ulu, Sena dan Taman Wai Permai melibatkan kerja pembaikan dan menaiktaraf longkang, kaki lima, bumbung dan lif. Projek ini dijangka memberi manfaat kepada penghuni 748 unit rumah di PPR Wang Ulu, 480 unit rumah di PPR Sena dan 200 unit di PPR Taman Wai Permai.

Program Pembaikan dan Bina Baru Rumah

74. Program pembaikan dan bina baru rumah akan diteruskan. Kerajaan Negeri sedar masih banyak rumah yang

using atau rosak yang perlu dibaiki. Peruntukan sebanyak 1.96 juta ringgit disediakan untuk tujuan ini. Pada tahun 2017 sebanyak 250 buah rumah telah mendapat bantuan pembaikan. Setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan terutamanya Kementerian Kewangan, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Perlis dan GIATMARA yang telah melaksanakan Program *Touch Point* Baik Pulih Rumah.

75. Kerajaan Negeri sedar masih ramai rakyat yang memerlukan rumah kediaman untuk keluarga masing-masing. Kerajaan juga sedar bahawa sebahagian besar rakyat memerlukan rumah mampu milik. Sehubungan itu, sukacita saya mengumumkan Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan akan membina 500 unit rumah PPR di satu lokasi di Padang Besar. Sejumlah 400 unit akan dibina di Arau. Rundingan juga sedang dilakukan dengan Kerajaan Persekutuan untuk membolehkan sejumlah 500 unit lagi dibina di Kangar.

Bantuan Kebajikan

76. Sejumlah **16.2 juta ringgit** diperuntukkan untuk Bantuan Am bagi tahun 2018. Ini termasuk 8.0 juta ringgit sumbangan daripada MAIPs. Bagi pihak Kerajaan Negeri dan rakyat jelata, Kerajaan Negeri menjunjung kasih ke atas DYTM Raja Muda Perlis, Yang Dipertua MAIPs, yang telah berkenan agar MAIPs menambah sebanyak 200 ringgit kepada penerima-penerima Bantuan Am pada tahun 2018. Dengan ini, jumlah minimum Bantuan Am di Perlis adalah sebanyak 320 ringgit. Kerajaan Negeri berharap semua penerima Bantuan Am akan menikmati kehidupan lebih baik dan mempunyai lebih tunai yang dapat digunakan bagi urusan harian.

77. Bagi memastikan tiada yang tercicir dalam mendapatkan bantuan kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis (JKM) dengan kerjasama Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri akan membuka kaunter di premis pusat khidmat melalui program **Jom Bantu Rakyat (JomBaRa)** yang diadakan pada minggu kedua setiap bulan. Wakil rakyat bersama-sama kakitangan JKJ Perlis dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kebajikan Kampung (JKKK)

akan turun padang dalam usaha untuk mengenalpasti golongan-golongan miskin di Perlis.

78. Bagi menjamin bantuan segera dapat disalurkan kepada rakyat terutamanya selepas kejadian musibah seperti ribut dan kebakaran, dana berjumlah **650 ribu ringgit** akan disediakan. Dana ini disediakan khas untuk meringankan beban rakyat yang mengalami kerugian harta benda akibat bencana.

79. Satu **Tabung Bantuan Segera (TBS)** juga akan diwujudkan dengan peruntukan awal **500 ribu ringgit**. Ia bertujuan membolehkan penerima-penerima bantuan baru yang dikenalpasti menerima bantuan tunai segera sementara menunggu proses kelulusan di peringkat jabatan.

80. Menerusi Bajet 2018 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini, Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan 1.7 bilion ringgit untuk meningkatkan kebajikan warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak. Bantuan Orang Tua dinaikkan sebanyak 50 ringgit menjadi 350 ringgit sebulan. Disamping itu, Elaun OKU yang bekerja iaitu Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan OKU Tidak Berupaya juga telah dinaikkan 50 ringgit sebulan.

81. Pada masa ini, seramai 3,051 orang OKU di negeri Perlis menerima bantuan melalui Elaun Pekerja Cacat, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dan Bantuan Pesakit Terlantar. Dengan peningkatan ini, peruntukan bagi kumpulan sasar OKU di Perlis akan meningkat kepada 12.8 juta ringgit pada tahun 2018 berbanding 10.9 juta ringgit pada tahun 2017.

82. Kenaikan elaun juga akan dinikmati oleh penerima Bantuan Orang Tua (BOT) di Perlis yang berjumlah 1,185 orang. Peruntukan BOT negeri Perlis bagi tahun 2018 meningkat kepada 498 ribu ringgit berbanding 426 ribu ringgit pada tahun 2017.

Skim Galakan Pembayaran Cukai Tanah

83. Dalam Bajet kali ini, Kerajaan Negeri bersetuju supaya rebat cukai 2018 diberikan sebanyak 10% untuk tanah kategori bangunan, 12% untuk tanah pertanian dan 7% untuk tanah industri. Jika sebelum ini rebat cukai diberikan bagi pembayaran sebelum 31 Mac, bagi tahun 2018 ianya dilanjutkan sebulan lagi sehingga 30 April. Ini memberi lebih masa dan peluang kepada rakyat membayar cukai dan menikmati diskaun yang diberikan. Dengan pemberian diskaun

ini negeri dijangka mengalami kehilangan hasil daripada cukai tanah sebanyak 900 ribu ringgit.

Pemansuhan Caruman Jalan Projek Perumahan

84. Kerajaan Negeri bersetuju memansuhkan sepenuhnya caruman jalan di Pejabat Tanah dan Galian Perlis yang dikenakan kepada pemaju. Kadar caruman jalan yang dikenakan kini adalah 5 ribu ringgit bagi rumah sesebuah, 2 ribu ringgit bagi rumah berkembar dan seribu ringgit bagi rumah teres. Dengan pemansuhan ini akan mengurangkan kos binaan yang ditanggung oleh pemaju dan seterusnya dapat menawarkan harga yang lebih murah kepada pembeli-pembeli.

Diskaun ke atas Tunggakan Denda Cukai Tanah

85. Bagi menggalakkan lebih ramai pembayar cukai tanah membuat bayaran sebelum 31 Mei setiap tahun supaya tidak dikenakan denda, Kerajaan Negeri bersetuju memberi diskaun 80% ke atas tunggakan denda cukai tanah tahun sebelumnya. Diskaun ini akan diberikan bagi tempoh enam bulan pertama dan dilaksanakan mulai Januari hingga Jun 2018.

Program Pemutihan Pelanggaran Syarat Tanah

86. Sebagaimana kita sedia maklum, pada tahun 2017, Pejabat Tanah Dan Galian Perlis telah melaksanakan program pemutihan bagi pelanggaran syarat tanah. Diskaun 90% telah diberikan ke atas denda pelanggaran syarat tanah tersebut. Bagi memastikan tuan tanah yang terlibat dengan pelanggaran syarat tanah tampil ke hadapan untuk membuat pemutihan, Kerajaan Negeri akan memberi diskaun 75% ke atas denda yang dikenakan pada tahun 2018. Kerajaan Negeri berharap tuan-tuan tanah yang terlibat mengambil kesempatan ini untuk menyelesaikan isu pelanggaran syarat tanah yang berlaku.

Mempermudahkan Urusan di PTG

87. Di samping itu beberapa urusan di Pejabat Tanah dan Galian Perlis juga dipermudahkan. Antaranya ialah permohonan tukar syarat nyata tanah bagi kategori pertanian tidak perlu melalui juruukur berlesen. Ini dapat memberi penjimatan kos antara 900 ke 1000 ringgit kepada tuan tanah.

Pemberimilikan Tanah Kepada Peneroka FELDA

88. Pada 6 Oktober 2017 yang lalu, satu majlis penyerahan hakmilik tanah kepada 249 peneroka FELDA Mata Ayer, Mukim Titi Tinggi, Perlis telah diadakan. Dengan kerjasama pihak FELDA dan Pejabat Tanah dan Galian, segala urusan yang tertangguh sekian lama telah dapat diselesaikan dalam tempoh 2 bulan. Bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri mensasarkan untuk menyelesaikan pemberi milikan kepada 161 peneroka di FELDA Rimba Mas. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk melengkapkan dokumentasi yang diperlukan. Kerajaan Negeri berharap perkara ini dapat diselesaikan sebelum Mac 2018.

Pengurangan Kadar Lesen Perniagaan Penjaja oleh MPK

89. Bagi menggalakkan lebih ramai generasi TN50 menceburi bidang perniagaan dan mengurangkan beban peniaga sedia ada, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) akan mengurangkan kadar lesen perniagaan penjaja sebanyak 20% pada tahun 2018.

Galakan Suri Rumah Berniaga

90. Kerajaan Negeri sedar ramai suri rumah perlu mencari pendapatan sampingan untuk keluarga tetapi menghadapi kekangan untuk penjagaan anak di rumah dan menyewa premis perniagaan. Untuk itu, suri rumah adalah dibenarkan untuk berniaga secara kecil-kecilan di rumah dan MPK akan mengeluarkan lesen penjaja kepada mereka tetapi hendaklah mematuhi syarat tertentu seperti tidak menimbulkan kacau ganggu kepada kejiranan dan perlu mementingkan isu keselamatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pertanian Dan Ternakan

91. Bajet 2018 turut memberi penekanan kepada aspek sosio ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat terutama golongan petani, peladang dan penternak. Pelbagai strategi diusahakan bagi memberi pelbagai manfaat kepada pelbagai lapisan golongan ini. Bagi mencapai hasrat tersebut, sebanyak **7.3 juta ringgit** diperuntukkan di bawah program pertanian dan ternakan.

92. Dari jumlah tersebut **3.0 juta ringgit** adalah untuk sistem pengairan padi dan infrastruktur luar kawasan MADA, **1.0 juta ringgit** untuk tanaman padi berkelompok, **1.3 juta ringgit** untuk industri harumanis, **750 ribu ringgit** untuk industri ternakan dan **480 ribu ringgit** untuk lain-lain tanaman seperti kelapa, sayuran dan herba.

Industri Harumanis

93. Keluasan tanaman harumanis telah berjaya ditingkatkan dengan galakan oleh Kerajaan Negeri dengan mempergiatkan dan mempromosikan industri ini bermula tahun 2011. Bermula dengan keluasan 323 hektar pada tahun 2011, kini telah mencapai keluasan 1,097 hektar.

94. Skim bantuan kepada penanam akan diteruskan. Dari peruntukan 1.3 juta ringgit untuk industri harumanis, **725 ribu ringgit** disediakan untuk agihan peralatan pertanian dan bantuan menaiktaraf sistem pengairan. Kerajaan Negeri juga menyediakan **330 ribu ringgit** bagi bantuan bekalan baja dan racun kepada petani.

95. Kerajaan Negeri akan terus membantu petani dalam meneroka peluang-peluang pasaran baru bagi memastikan tiada lambakan buah yang akan berlaku dengan program pemasaran dan mempelbagaikan produk hiliran baru yang mampu untuk menjana pendapatan tambahan bagi rakyat negeri Perlis.

96. Cabaran utama industri harumanis Perlis pada masa ini adalah kualiti dan pasaran. Bagi meningkatkan kualiti, satu sistem pengredan baru bagi harumanis akan diperkenalkan pada tahun 2018 dengan kerjasama FAMA. Bagi meningkatkan pasaran, FAMA juga akan menyediakan iklan serta *jingles* untuk disiarkan di TV dan radio bagi memaklum orang ramai tentang tibanya musim harumanis di Perlis.

97. Pusat-pusat pengumpulan dan penjualan harumanis akan diwujudkan di lokasi-lokasi khusus yang kenalpasti di Perlis agar kualiti buah dapat diselia oleh Jabatan Pertanian. Untuk pasaran Lembah Klang, pihak FAMA juga telah mengenalpasti lokasi-lokasi strategik termasuk Putrajaya bagi jualan mangga harumanis pada musim akan datang.

98. Bagi meningkatkan kualiti pengeluaran tanaman harumanis dan berorientasikan eksport, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan berjumlah **355 ribu ringgit** sebagai insentif bagi memudahkan kira-kira 20 orang petani memperolehi pensijilan MyGap. Untuk makluman, seramai 66 orang petani harumanis telah dan sedang mendapat pensijilan MyGap.

99. Kerajaan Negeri juga amat berterima kasih kepada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kerana meluluskan peruntukan satu juta ringgit untuk industri harumanis di Perlis.

Taman Kekal Pengeluaran Makanan

100. Suka saya memaklumkan bahawa, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) seluas 137 hektar telah pun dibangunkan. TKPM Perlis telahpun mencatatkan kejayaan membanggakan di mana ladang tin yang terbesar di Malaysia telah berjaya diwujudkan di Chuping yang mempunyai kira-kira 20,000 pokok. Ladang ini telahpun mula mengeluarkan hasil.

101. Dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan petani dan peladang, Kerajaan Negeri ingin menggalakkan agar para petani dan peladang dapat melibatkan diri menanam tanaman

komersial yang bernilai dan berharga tinggi secara bagai “*inter-cropping*”. Bantuan geran sehingga 20,000 ribu ringgit akan diberikan kepada mereka yang serius mahu berusaha melalui Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri (LPPN). Bagi mereka yang ingin menceburkan diri dalam perniagaan yang berasaskan pertanian pula pinjaman sehingga 100,000 ringgit dapat diberikan oleh LPPN.

Tanaman Padi

102. Dari peruntukan 1.0 juta ringgit untuk industri padi, sebanyak **850 ribu ringgit** disediakan untuk pemberian peralatan pertanian padi, pam dan jentera serta pembinaan infra parit/kok U untuk petani.

103. Program Sawah Gemilang akan diteruskan dengan melibatkan seramai 107 orang petani dengan keluasan baru 85 hektar. Perluasan projek sawah gemilang pada tahun 2018 di Kg Rambai, Pauh seluas 30 hektar melibatkan 35 orang peserta, Kg Baru Panggas Chuping seluas 30 hektar melibatkan 45 orang peserta dan pertambahan projek sawah gemilang sedia ada di Kg Teluk Jambu sebanyak 25 hektar melibatkan 27 orang peserta. Rekod menunjukkan hasil padi di bawah program sawah gemilang meningkat kepada 5.3 metrik

tan per hektar berbanding 4.8 metrik tan per hektar sebelum program dijalankan.

Industri Ternakan

104. Bagi program peningkatan pengeluaran ternakan, sebanyak **750 ribu ringgit** telah diperuntukkan untuk pelbagai bantuan yang melibatkan 575 penternak pelbagai komoditi merangkumi industri ruminan dan lain-lain ternakan.

105. Di samping itu, adalah dimaklumkan bahawa Pejabat baru Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang bernilai 6 juta ringgit dijangka akan mula beroperasi pada bulan Mei 2018. Apabila beroperasi kelak ia akan meningkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan Veterinar terutamanya khidmat nasihat kesihatan ternakan dan klinik haiwan kesayangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pembangunan Usahawan

106. Seperti yang telah saya jelaskan sebelum ini, peranan kerajaan adalah menyediakan infrastruktur kepada rakyat dan

mewujudkan persekitaran kondusif untuk menarik pelabur-pelabur. Melalui projek-projek pembangunan yang dijalankan, rakyat perlulah meneroka dan merebut peluang-peluang yang terbentang luas. Rakyat, khususnya generasi muda tidak boleh terlalu bergantung kepada peluang pekerjaan di dalam sektor awam kerana jumlahnya amat terhad. Di Perlis ini misalnya, jumlah jawatan awam hanyalah sekitar 1500 sahaja. Golongan muda terutamanya lepasan sekolah dan universiti perlulah mengubah minda dengan berdikari dan menceburi bidang keusahawanan. Bagi mencapai hasrat ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan **2.0 juta ringgit** untuk meningkatkan daya keusahawanan di kalangan rakyat terutamanya generasi muda.

107. Dalam merangka satu program keusahawanan yang bersepadu bagi tahun 2018, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti MARA, Tekun, Amanah Ikhtiar Malaysia, SMECorp, PUNB, MDEC, FAMA, Jabatan Pertanian, Jabatan Pembangunan Wanita, MPK, MAIPs, PERDASAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang dan pelbagai agensi lain.

108. Sebanyak **1.0 juta ringgit** disediakan bagi memenuhi keperluan keusahawanan dengan pembinaan gerai baru. Antara projek yang terlibat adalah meroboh dan membina baru

gerai di beberapa lokasi iaitu di Kampung Kurong Tengah, Pekan Padang Besar, Pesisiran Pantai Sungai Baru dan Pasar Sena, Kangar. Secara keseluruhannya ia melibatkan pembinaan 25 lot gerai baru termasuk kemudahan parkir.

109. Di samping itu, Kementerian Kewangan Malaysia juga telah meluluskan satu program penempatan semula peniaga makanan sedia ada yang berada di kawasan tidak selamat di Kuala Perlis. Kos keseluruhan bagi projek ini berjumlah 21.6 juta ringgit dan akan dimulakan pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak 4.4 juta ringgit.

110. Bukan itu sahaja, MPK juga akan menghidupkan kawasan Dataran Dato' Sheikh Ahmad dengan acara/program yang sesuai bagi menggalakkan perniagaan seperti *car boot sales* dan *food truck*. UTC juga telah dikenalpasti sebagai pusat pertumbuhan keusahawanan. Ruang-ruang perniagaan di UTC akan dibuka kepada peniaga-peniaga kecil terutamanya usahawan desa untuk menjual produk mereka.

111. Kerajaan Negeri juga melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) menyediakan peruntukan sebanyak **1.0 juta ringgit** untuk promosi dan pembangunan usahawan Perlis melalui penglibatan ke pelbagai program peringkat negeri dan

kebangsaan. Antara program promosi keusahawanan yang terlibat adalah Karnival Usahawan Desa, Minggu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN).

112. Bagi tujuan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kebajikan, JKM telah merangka “*2 Years Exit Programme (2YEP)*” kepada penerima-penerima bantuan yang dikenalpasti. Sehingga kini seramai 93 orang penerima bantuan di Perlis telah menerima manfaat dan menerima geran pelancaran sebanyak 2,700 ringgit daripada JKM sebagai modal awal untuk mereka mula berniaga.

Yang Berhormat Dato’ Speaker,

Pembangunan Pendidikan

113. Kerajaan Negeri akan memastikan taraf pendidikan pelajar di Perlis terus cemerlang. Berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), gred purata negeri (GPN) pada tahun 2016 telah meningkat 0.12 mata dari 5.41 pada tahun 2015 kepada 5.29 pada tahun 2016. Bagi nilai GPN ini semakin kecil gred purata menunjukkan prestasi semakin baik. Dua buah sekolah di negeri Perlis juga telah mencapai lonjakan

saujana (peningkatan purata gred sekolah melebihi 20 peratus), iaitu sekolah SMK Mata Ayer dan SMK Guar Nangka.

114. Pada tahun 2016, bilangan pelajar yang mendapat 'A' dalam semua mata pelajaran telah meningkat sebanyak 0.48% kepada 1.67% iaitu seramai 59 orang pelajar. Bagi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), pencapaian negeri Perlis adalah cemerlang dengan kelulusan mencapai 98.71% iaitu meletakkan Perlis di tempat ketiga di peringkat Kebangsaan selepas Terengganu dan Pulau Pinang. Bagi Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pencapaian peratus lulus calon pada tahun 2016 juga meningkat sebanyak 11.8% kepada 75% berbanding 63.2% pada 2015.

115. Kerajaan Negeri ingin mengucapkan terima kasih kepada syarikat-syarikat dan NGO yang telah mengadakan pelbagai kelas tambahan dan program peningkatan prestasi kepada pelajar-pelajar di Perlis. Antara syarikat dan NGO yang telah menyumbang adalah CIMA, FELDA, YAPEIM, Yayasan Tuanku Syed Putra dan MAIPs. Bagi pembangunan pendidikan di negeri Perlis, MAIPs sendiri telah membelanjakan 60% daripada zakat tahunannya untuk bidang pendidikan. Kerajaan Negeri dengan ini menyeru lebih banyak syarikat dan NGO

tampil untuk terus meningkatkan prestasi akademik pelajar di Perlis.

116. Berdasarkan pencapaian semasa mengikut subjek, adalah didapati bahawa Bahasa Inggeris perlu diberi tumpuan khusus. Oleh itu, Kerajaan Negeri bercadang mengadakan kelas bimbingan khas Bahasa Inggeris bermula dari peringkat sekolah rendah mulai tahun depan. Pendekatan pembelajarannya adalah secara *“Fun With English”* bagi memupuk minat anak-anak kita terhadap Bahasa Inggeris. Ini merupakan program jangka panjang yang akan bermula dari sekolah rendah dan diharapkan dapat meningkatkan prestasi Bahasa Inggeris anak-anak kita.

117. Bagi memperkasakan semangat juang dan jati diri generasi yang bakal menjadi pemimpin menjelang TN50, program-program motivasi dan pembangunan sahsiah akan dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri melalui kerjasama pelbagai pihak termasuk Angkatan Tentera Malaysia, BTN, JPNIN, Jabatan Penjara dan IPTA-IPTA yang ada di Perlis.

118. Bagi mengukuhkan daya tahan anak muda dengan cabaran semasa terutamanya gejala dadah, Kerajaan Negeri bersama AADK sedang merangka program kesedaran khas

melalui Terapi Tingkah Laku Kognitif atau *Cognitive Behavioral Therapy (CBT)*. Terima kasih kepada pihak UniMAP yang menawarkan kepakaran mereka dalam bidang ini untuk dimanfaatkan oleh kita semua.

119. Satu isu lagi yang akan diberi tumpuan pada tahun hadapan adalah isu ponteng sekolah. Pada tahun 2017, Jabatan Pendidikan merekodkan 122 kes ponteng di sekolah dan jumlah ini disasar untuk dikurangkan kepada tidak melebihi 100 kes pada tahun 2018. Untuk itu, Kerajaan Negeri menyeru penglibatan semua pihak termasuk ibu bapa, komuniti setempat, pemimpin masyarakat dan JKKK untuk sama-sama mencapai sasaran ini.

120. Suatu pencapaian yang amat membanggakan, wakil negeri Perlis telah memenangi pelbagai hadiah inovasi di peringkat kebangsaan dan Antarabangsa. Antaranya ialah pelajar dari Sekolah Kebangsaan Putra yang telah meraih pingat emas dalam Pertandingan Kreativiti Reka Cipta Dunia (WICC) di Seoul, Korea Selatan pada Ogos lalu.

121. Tahniah diucapkan kepada Muhammad Danish Syafi bin Mohd Azdikirana dan Amirul Haziq bin Mohd Shamsudin. Bagi menghargai dan terus menggalakkan pelajar mencetuskan idea

inovatif sebegini, Kerajaan Negeri akan memberi insentif sebanyak 3 ribu ringgit kepada sekolah dan seribu ringgit kepada kumpulan pelajar yang berjaya di peringkat Antarabangsa. Insentif seribu ringgit juga akan diberikan kepada sekolah yang menjadi johan dalam pertandingan inovasi di peringkat Kebangsaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kemajuan Agama

122. Penubuhan dan pengoperasian KUIPs sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta telah melengkapkan lagi aspirasi Kerajaan Negeri untuk menjadikan Perlis sebagai hub pendidikan dan pembudayaan syiar Islam yang tersohor di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa melalui Dana Wakaf. Dalam usaha memastikan kelangsungan pembelajaran yang kondusif, Kerajaan Negeri telah mengenalpasti tanah wakaf seluas 7.87 relong atau 2.27 hektar di Mukim Sungai Adam, Mata Ayer untuk dijadikan sebagai tapak Kampus Tetap KUIPs. Tanah ini telah diwakafkan oleh pemiliknya kepada Yayasan Islam Perlis untuk tujuan pembinaan institusi pembelajaran Islam.

123. Bagi meningkatkan penghayatan dan kefahaman agama di kalangan masyarakat negeri Perlis dan menjunjung amanat Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan MAIPs akan melaksanakan projek rintis Sekolah Agama Petang Perlis (SAPP) di 15 buah sekolah pada tahun 2018. Memandangkan SAPP ini melibatkan silibus baru yang diperkenalkan, Kerajaan Negeri akan mengadakan latihan atau *training for trainers (TOT)* kepada guru-guru yang terlibat.

124. Kerajaan Negeri sedar bahawa pembentukan generasi Al-Quran merupakan asas kepada pembangunan modal insan secara holistik. Bagi meningkatkan penghayatan Al-Quran oleh para pelajar, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) akan melaksanakan Program Rawdatul Huffaz (Program Hafazan Al-Quran) di 15 buah masjid mewakili 15 DUN di negeri Perlis pada sekolah penggal ketiga.

125. Bagi meningkatkan bahan bacaan dan kitab-kitab yang terdapat di perpustakaan 16 buah pusat tahfiz yang berada di negeri Perlis, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak 80 ribu ringgit atau 5 ribu ringgit setiap pusat tahfiz bagi membolehkan penggantian buku dan kitab baru.

126. Bagi meningkatkan keselesaan pelajar di SMK Agama Arau, Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan projek pembinaan bangunan tambahan asrama Tahfiz Model Ulul Albab untuk menampung keperluan 400 pelajar. Projek ini akan dimulakan pada tahun 2018 dengan kos keseluruhan berjumlah 20 juta ringgit.

127. Bagi pembangunan masjid, 5 juta ringgit disediakan di bawah peruntukan Persekutuan dan 2 juta ringgit disediakan di bawah peruntukkan Negeri. Antara masjid yang terlibat adalah Masjid Al-Hakim Padang Malau, Masjid Al-Munir Batu 5, Masjid As-Solihin Bukit Chuping, Masjid Istiqamah dan Masjid Alwi Fasa 2.

128. Menyentuh mengenai pengembangan syiar Islam, Kerajaan Negeri akan memastikan supaya 105 buah masjid di seluruh Perlis dalam keadaan baik di segi fizikalnya. Masjid yang rosak akan diperbaiki, dan masjid yang kecil akan diperbesarkan atau dibina baru sekiranya keluasan ruang solat masjid sekarang sudah tidak mampu lagi menampung jemaah yang semakin besar.

129. Bagaimanapun, adalah tidak wajar untuk membina masjid baru sekiranya jumlah jemaah sedia ada hanya mengisi separuh sahaja ruang masjid sedia ada. Syiar Islam kita akan menjadi lebih bersinar dan bermakna sekiranya kita menumpukan perhatian kepada usaha meningkatkan jumlah jemaah di masjid untuk solat-solat waktu lima kali sehari dan solat Jumaat.

130. Tidak ada apa yang boleh kita banggakan sekiranya masjid kita cantik dan besar, sedangkan sebahagian besar ruang solatnya kosong ketika solat-solat waktu dan Jumaat diadakan. Jika ruang solat masjid penuh hingga melimpah hanya ketika solat sunat Eid-ul-Fitri atau Eid-ul-Adha, ia juga tidak menggambarkan perkembangan dan pemahaman mendalam kepada intipati dan syiar Islam yang sebenarnya.

131. Kita tidak mahu apa yang berlaku kepada Masjid Biru di Istanbul yang begitu terkenal di kalangan umat Islam dan bukan Islam di seluruh dunia. Saban tahun Masjid Biru menerima lawatan mungkin dari berjuta-juta pelancong dan pelawat dari seluruh pelusuk dunia. Tetapi, bila tiba waktu solat, hanya segelintir sahaja yang bersolat secara berjemaah. Malah lebih malang lagi, sebahagian besar jemaahnya terdiri dari pelawat atau pelancong, bukannya penduduk tempatan.

132. Oleh itu, eloklah kita mencantikkan masjid kita dengan menambah jemaah untuk solat lima waktu dan solat Jumaat. Tiada gunanya kalau masjid kita cantik dan besar, tetapi jemaahnya entah di mana seperti yang berlaku kepada Masjid Biru, Istanbul. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri mencadangkan satu kategori pertandingan masjid paling ramai jemaah solat lima waktu diwujudkan supaya syiar Islam kita benar-benar bersinar dan menggambarkan imej Islam yang sebenar, bukannya Islam *tempel*.

133. Bagi menghargai pegawai masjid iaitu imam, bilal, siak dan penjaga kawasan pula, Kerajaan Negeri akan menghadiahkan sepasang jubah kepada semua pegawai masjid yang berjumlah 735 orang melibatkan peruntukan lebih 100 ribu ringgit.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Kebajikan Masyarakat Bukan Islam

134. Kerajaan ini adalah Kerajaan setiap rakyat tanpa mengira kaum, budaya mahupun agama. Kebajikan dan keperluan setiap rakyat menjadi tanggungjawabnya termasuklah rakyat

bukan Islam. Kerajaan Negeri amat prihatin dan sensitif akan keperluan-keperluan khusus rakyat bukan beragama Islam. Dalam hal ini Kerajaan Negeri bersetuju cadangan pembinaan satu pusat makanan untuk masyarakat bukan Islam di satu lokasi yang sesuai.

135. Selain itu Kerajaan Negeri juga amat memahami dan sensitif mengenai keperluan dan tuntutan beragama rakyat bukan Islam. Dalam hal ini Kerajaan Negeri bersetuju untuk membina sebuah pusat pembakaran mayat atau *crematorium* di Perlis yang boleh dikongsi penggunaannya oleh masyarakat bukan Islam di satu lokasi yang sesuai.

136. Kerajaan Negeri akan berbincang lanjut dengan Kerajaan Persekutuan berhubung peruntukan yang diperlukan untuk membina pusat makanan dan *crematorium* ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Projek Perumahan Di Perlis

137. Rumah adalah keperluan asas rakyat. Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian dan keutamaan ke atas perkara ini. Bagi memenuhi permintaan rakyat Perlis, Kerajaan Negeri dan

Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk membina sejumlah 5,057 unit rumah mampu milik dan rumah kos rendah seperti berikut:

- Projek Perumahan PRIMA - 3,394 unit di Kangar, Kuala Perlis, Jejawi dan Arau;
- Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) - 463 unit;
- Penempatan Semula Nelayan, Kuala Perlis – 300 unit; dan
- Projek Perumahan Rakyat (PPR) – 400 unit di Arau, 500 unit di Padang Besar. Kerajaan Negeri sedang memohon dengan Kerajaan Persekutuan untuk 500 unit PPR di Kangar.

Bekalan Air Bersih

138. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan bekalan air bersih kepada rakyat. Kerajaan Persekutuan melalui KeTTHA secara dasarnya telah meluluskan peruntukan sebanyak 38.8 juta ringgit bagi pelaksanaan projek-projek berikut yang akan dilaksanakan mulai tahun hadapan:

- 22 juta ringgit bagi pembinaan loji baru Tasoh dengan kapasiti 40mld;
- 6.9 juta ringgit bagi menaiktaraf loji rawatan air Arau Fasa IV;
- 5.6 juta ringgit bagi menaiktaraf loji rawatan air Tasoh;
- 2.5 juta bagi pemasangan paip air 700mm dari loji Sungai Baru ke Tangki Air Simpang Empat; dan
- 930 ribu ringgit untuk menaiktaraf loji rawatan air Arau Fasa I, II dan III;

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pembangunan Sukan

139. Sebanyak 6.3 juta ringgit disediakan bagi pembangunan sukan tahun 2018. Beberapa kemudahan telah dan akan dinaiktaraf, antara yang telahpun siap dinaiktaraf adalah kolam renang yang telah mula beroperasi bulan Ogos 2017 yang lalu. Manakala projek-projek yang akan dilaksanakan ialah membaiki gelanggang boling padang dan Dewan Rakan Sukan.

140. Pada tahun 2018 Perlis akan memberi tumpuan dalam penyertaan SUKMA yang akan berlangsung di Perak. Jika di

SUKMA Sarawak pada tahun 2016, Perlis telah mendapat 9 Emas, kita mensasarkan 15 Emas untuk temasya yang akan datang. Sebagaimana yang sedia dimaklumi, Perlis telahpun berjaya melahirkan atlet bertaraf dunia seperti Abdul Latif bin Romly, Ridzuan bin Pozi dan Mohd Amsyar bin Azman. Tidak lupa juga kepada atlet-atlet Perlis seperti Auni Fatimah binti Khamis, Jupha Somnet, Tengku Ahmad Tajuddin bin Tengku Abd. Jalil, Mohamad Saufi bin Saidin dan Daeng Hadzri bin Dahasri yang telah menyumbangkan pingat dan mengharumkan nama Negara di Sukan SEA 2017.

141. Bakat-bakat baru dalam bidang sukan akan terus dicungkil melalui program Young Lions yang diperkenalkan sejak tahun 2016.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Industri Pelancongan

142. Industri pelancongan mampu menjana pembangunan besar kepada ekonomi negeri. Kerajaan Negeri sedar akan wujudnya produk-produk pelancongan di Perlis yang dibina tetapi terabai dan rosak kerana tiada perancangan teliti di segi

pengurusan dan pemasaran. Produk-produk ini berpotensi besar jika dibangunkan semula dan ditambah baik. Kerajaan Negeri tidak mampu melaksanakannya kerana modal kewangan yang diperlukan adalah amat besar.

143. Kerajaan Negeri berpandangan dan telah memutuskan supaya pihak swasta yang berkemampuan di segi kepakaran dan kewangan untuk memajukan semula dan menambah baik produk-produk pelancongan ini. Salah satunya ialah tempat-tempat rekreasi di Sungai Batu Pahat dan Bukit Air. Satu syarikat swasta telah bersetuju memajukan semula dan menaiktaraf tempat-tempat tersebut secara bersepadu. Kerajaan Negeri pada dasarnya telah bersetuju dan rundingan terma dan syarat sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dengan syarikat swasta berkenaan.

144. Sekiranya rundingan ini dapat dimuktamadkan, negeri Perlis bakal menyaksikan satu bentuk pembangunan semula produk-produk pelancongan di Sungai Batu Pahat dan Bukit Air dengan nilai pelaburan kira-kira 692.9 juta ringgit. Projek ini bukan saja memberi impak kepada industri pelancongan tetapi juga meningkatkan program pembangunan sukan dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi negeri.

145. Bagi menaiktaraf infrastruktur pelancongan sedia ada, peruntukan sebanyak **3.12 juta ringgit** disediakan bagi produk-produk pelancongan sedia ada di Gua Kelam, Taman Negeri, Bukit Ayer, Taman-taman Pertanian dan Taman Agro Lancong Batu 20, Padang Besar. Gua Kelam 2 akan mula dibuka pada tahun hadapan sebagai daya tarikan baru di Kaki Bukit.

Galakan Pelancongan Melalui Acara Sukan

146. Kini, pendekatan yang diambil untuk mempromosi dan memeriahkan industri pelancongan negeri adalah melalui *Sport and Cultural Events* dengan tiga program utama yang telah dilaksanakan iaitu: Perlis Marathon, Pesta Angin Timur dan Pesta Air di Kuala Perlis.

147. **Bagi Perlis Marathon 2018**, sasaran penyertaan adalah seramai 15,000 orang setelah kita berjaya mencapai penyertaan seramai 12,500 orang pada tahun 2017. Dengan kadar yuran yang berpatutan, tawaran hadiah yang lumayan dan cabutan bertuah yang menarik, acara ni telah menjadi satu acara tahunan yang ikonik dan dinanti-nantikan oleh peminat dari dalam dan luar negara.

148. **Pesta Angin Timur** juga akan diteruskan dan akan diadakan di Kg. Bangsal Lebah, Kayang. Program ini mendapat sokongan yang baik dari Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia memandangkan program ini menghidupkan kembali budaya dan gaya hidup masyarakat desa.

149. **Pesta Air Kuala Perlis** juga akan diteruskan dan penyertaan pasukan dari luar negeri Perlis akan ditingkatkan. Ini adalah satu aktiviti pelancongan untuk membolehkan pelancong-pelancong yang singgah di Kuala Perlis untuk turut menikmati pesta ini.

150. Di samping itu, beberapa acara sampingan lain yang akan diadakan adalah *Bird Race* dan *Dakithon* di bawah kelolaan Jabatan Perhutanan Negeri Perlis di mana objektif program ini adalah untuk mempromosikan Taman Negeri.

151. Bagi meraikan kedatangan pelancong-pelancong yang meningkat pada musim cuti sekolah, Kerajaan Negeri bercadang untuk menganjurkan program-program seperti Perlis Street Food Fest, Pesta Harumanis dan Karnival Usahawan Perlis.

Perlis Sihat Ceria (PSC)

152. Program Perlis Sihat Ceria (PSC) akan diperkenalkan mulai tahun 2018 bagi menerapkan gaya hidup sihat di kalangan orang ramai. Salah satu program utama di bawah PSC ialah **Kangar Car Free Morning** yang akan diadakan pada hari Ahad pertama setiap bulan. Dalam program ini, beberapa jalan yang dikenapasti akan ditutup bagi membolehkan orang ramai beriadah sama ada berjalan kaki, berjogging, berkasut roda, berpapan luncur ataupun berbasikal.

153. Bagi menjayakan program Perlis Sihat Ceria secara menyeluruh Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Negeri, Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negeri, Majlis Perbandaran Kangar (MPK) dan institusi-institusi Pengajian Tinggi bagi menjadikan aktiviti beriadah sesuatu yang meriah dan menggembirakan.

Perlis Bersih Indah (PBI)

154. Bagi menjadikan negeri Perlis sebagai negeri yang terbersih, program kesedaran orang ramai atau *Mass Awareness* tentang kebersihan akan diadakan melalui Perlis Bersih Indah (PBI). Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan beberapa agensi utama seperti MPK, SWCorp, JPS, JKN dan JAS bagi mengatur pelbagai program kesedaran tentang kebersihan termasuk aktiviti gotong-royong yang akan diadakan pada hari Ahad minggu kedua setiap bulan.

155. Bagi menggalakkan penduduk taman-taman perumahan mengadakan program gotong-royong pembersihan di tempat masing-masing, MPK akan memberi insentif sebanyak 250 ringgit bagi setiap aktiviti gotong-royong yang dianjurkan sendiri oleh komuniti di taman perumahan. Peruntukan ini boleh digunakan sama ada untuk membeli peralatan gotong royong atau menyediakan makan minum kepada peserta.

Yang Berhormat Dato' Speaker

Projek RMKe-11 Rolling Plan ke-3 (2018-2019)

156. Selepas pembentangan Bajet 2018 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia bulan Oktober 2017 lalu, banyak komen

dibuat tidak ada projek khusus yang diluluskan untuk Perlis bagi tahun 2018 hinggakan tak disebut dalam bajet tersebut. Kononnya Kerajaan Negeri tidak memohon. Saya ingin menjelaskan bahawa memang benar tidak ada projek khusus yang disebut untuk Perlis di dalam ucapan tersebut. Bila tak sebut tu tak bermakna Perlis tak dapat apa pun. Tak perlulah kita terpengaruh dengan niat buruk dan mencari *cheap political mileage* seperti itu.

157. Hakikatnya sebanyak 83 projek telahpun diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) Rolling Plan Ketiga (RP III) untuk tahun 2018-2019 bagi negeri Perlis. Peruntukan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 227.69 juta ringgit. Oleh itu, adalah tidak benar dakwaan yang menyebut Perlis tidak menerima sebarang projek dan peruntukan pembangunan dalam tahun 2018.

158. Berikut adalah senarai projek utama yang telah dilulus fasa pelaksanaan di Perlis:

- 108.8 juta ringgit disediakan untuk pembangunan UniMAP iaitu:
 - (i) Pembinaan kolej kediaman UniMAP – 20.2 juta ringgit;

- (ii) Pembinaan bangunan pentadbiran Canselori – 42 juta ringgit;
 - (iii) Pembinaan pusat kejuruteraan bahan dan makmal – 32 juta ringgit;
 - (iv) Pembinaan dewan besar UniMAP – 7 juta ringgit;
 - (v) Pembinaan reservoir – 4 juta ringgit;
 - (vi) Pembinaan Bangunan Hal Ehwal Pelajar – 3.6 juta ringgit
- 40 juta ringgit disediakan untuk kemudahan infrastruktur di kawasan Pembangunan Lembah Chuping;
 - 10 juta ringgit disediakan untuk infrastruktur luar Perlis Inland Port (PIP);
 - 36 juta ringgit untuk meneruskan pembinaan Ibu Pejabat Polis Kontinjen;
 - 25 juta ringgit untuk Pembinaan Mahkamah Baru Kangar;
 - 12 juta ringgit untuk pembinaan Kompleks Penyiaran Perlis;
 - 37 juta ringgit untuk meneruskan pembinaan Klinik Kesihatan Pauh, Chuping, Kg Gial, Padang Besar dan Unit Rawatan Rapi serta *multidiscipline ward* di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar; dan
 - 6.0 juta ringgit untuk pembinaan Hospital Padang Besar.

159. Sukacita juga saya memaklumkan beberapa projek baru Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan dan akan dimulakan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

- Pembinaan ICQS Wang Kelian dengan kos keseluruhan 40.4 juta ringgit;
- Projek penanaman sawit dan getah di bawah FELCRA dengan kos 9.8 juta ringgit;
- Pembinaan blok tambahan Pejabat Kastam Kangar dengan kos 37 juta ringgit;
- Kerja infrastruktur asas bagi Nakawan Border Industrial Park dengan kos keseluruhan 17.5 juta ringgit;
- Pembinaan bangunan gantian penuh Sekolah Kebangsaan Padang Besar (U) mengandungi 18 bilik darjah dengan kos keseluruhan 31 juta ringgit; dan
- Pembinaan baru bangunan kelas program pendidikan khas integrasi dengan kos keseluruhan 0.45 juta ringgit.

Projek Mega Negeri Perlis

160. Seperti yang saya jelaskan awal tadi, negeri Perlis memerlukan pembangunan yang membawa anjakan besar atau *leap frogging* bagi mengubah struktur ekonomi dan halatuju pembangunan negeri berdasarkan Wawasan Perlis Negeri

Bandaraya 2030. Kerajaan Negeri tidak boleh bergantung semata-mata kepada projek infrastruktur Kerajaan Pusat sahaja dalam merealisasikan Wawasan 2030 tersebut. Kerajaan Negeri harus mempunyai inisiatifnya sendiri. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri akan melaksanakan beberapa projek besar seperti berikut:

Pertama - Pembangunan Chuping Valley Industrial Area (CVIA)

Peruntukan sebanyak 723.7 juta ringgit bagi pembangunan seluas 2,500 ekar, menjadikan CVIA projek terbesar yang pernah diluluskan untuk negeri Perlis. CVIA akan memfokuskan kepada tiga (3) kluster utama iaitu Industri Hijau, Industri Halal dan Penjana Tenaga Boleh Diperbaharui. Pembangunan CVIA bermula dengan pembinaan *Integrated Business Center* (IBC) yang bernilai 37 juta ringgit dan dijangka akan siap pada April 2018. Pada tahun 2018 juga akan menyaksikan kerja-kerja infrastruktur asas bagi CVIA dimulakan dengan peruntukan sebanyak 25 juta ringgit.

Kedua – Taman Pendidikan – Asia Sustainable Transportation Institute (ASTI)

Ini adalah satu projek pembangunan Taman Pendidikan - *Asia Sustainable Transportation Institute* oleh Universiti Kuala Lumpur (UniKL) merangkumi pusat pendidikan dan penyelidikan, hub logistik dan *business park* akan dibangunkan di Chuping. Projek ini bukan saja dapat mewujudkan satu pusat pendidikan dan penyelidikan logistik di Perlis tetapi juga dapat menyokong pembangunan modal insan berkepakaran dalam bidang logistik. Nilai pelaburan projek ini berjumlah 200 juta ringgit dan akan dimulakan pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak 5 juta ringgit.

Ketiga - Perlis Inland Port (PIP)

Keempat - Projek Koridor Maritim Perlis, Kuala Sanglang, Perlis:

Satu lagi projek mega yang telah mendapat kelulusan dasar Kerajaan Negeri akan dibangunkan oleh Syarikat Mutiara Infra Sdn Bhd dengan kerjasama MBI. Antara komponen projek ini adalah pembangunan Terminal Kargo Pukal dan Kontena, Pusat Maintenance Repair and Overhaul (MRO) Kapal,

Terminal RO-RO dan Kapal Persiaran, Taman Hiburan Keluarga dan kawasan perindustrian perdagangan bebas. Keseluruhan nilai pelaburan yang terlibat berjumlah 1.75 billion ringgit. Apabila siap kelak, projek ini akan menambah kapasiti perkhidmatan logistik sedia ada dan perkhidmatan MRO di Perlis, mewujudkan pasaran baru melalui pembangunan Marina, RORO dan kapal persiaran dan seterusnya melonjakkan industri pelancongan Perlis.

Kelima – Pembangunan Bercampur Kuala Perlis

Projek ini merangkumi komponen pembangunan seperti projek perumahan, pembinaan hotel dan juga pengwujudan pusat perniagaan komersial. Dengan jumlah kemasukan pelancong ke Langkawi yang semakin bertambah, jangkaan untuk permintaan terhadap hartanah di kawasan ini akan meningkat. Pihak pemaju telah pun mendapatkan kelulusan Kebenaran Merancang bagi Fasa 1 daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada Ogos 2017 lalu dan tender bagi kerja-kerja tanah akan dikeluarkan tidak lama lagi. Apabila siap kelak, projek ini dijangka mampu menyediakan 1,300 peluang pekerjaan kepada rakyat negeri Perlis.

Keenam - Pembangunan Kangar City Centre

Projek ini sedang menunggu kelulusan akhir dari Kementerian Kewangan Malaysia berdasarkan keperluan dan syarat akta penubuhan PKEN.

Ketujuh - Pembangunan Kangar Sentral

Projek ini yang asalnya nak dilaksanakan secara komersial, tetapi didapati tidak *viable* dan mungkin akan meletakkan risiko yang besar Kerajaan Negeri sekarang ini sedang menunggu kelulusan dari EPU. Secara dasarnya pihak EPU bersetuju projek ini dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membina Terminal Pengangkutan Bersepadu. Kerajaan Negeri sedang memohon peruntukan sebanyak 34 juta ringgit daripada Kerajaan Pusat untuk merealisasikan pembinaan Terminal ini.

Kelapan - Pembangunan River of Life Sungai Perlis

Kesembilan – Pembangunan Semula Produk Pelancongan di Sungai Batu Pahat dan Bukit Air

Yang Berhormat Dato' Speaker,

Pengukuhan Perkhidmatan Awam di Perlis

161. Alhamdulillah, setelah sekian lama memohon dan memberikan justifikasi, pelbagai pengwujudan jawatan baru dan kenaikan gred jawatan telah diluluskan bagi mengukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan awam di Perlis. Kelulusan ini melibatkan sebanyak 691 jawatan meliputi permohonan pengwujudan jawatan baharu, permohonan kenaikan gred jawatan, pemansuhan jawatan dan pengagihan semula struktur organisasi sedia ada. Antara perjawatan yang terlibat adalah seperti berikut:

- 1 jawatan baru Pengarah Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) gred M52
- Jawatan kenaikan gred, antaranya melibatkan jawatan:
 - i. Pengarah Tanah dan Galian, PTD Gred M52 ke M54;
 - ii. Setiausaha Dewan Undangan Negeri, PTD Gred M48 ke M48/52;
 - iii. Setiausaha Sulit Kanan YAB Menteri Besar, PTD Gred M44/48 M48/52;
 - iv. Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pentadbiran Daerah, PTD Gred M48 ke PTD Gred M48/52;

- v. Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, PTD Gred M48 ke PTD Gred M48/52;
- vi. Bendahari Negeri, Gred W48 ke WA51/52;
- vii. Pengarah Perancang Bandar dan Desa, Gred J48 ke J52;
- viii. Pengarah Perhutanan Negeri, Gred G44 ke G48

162. Perkhidmatan awam menjadi jentera utama untuk penyampaian dan pelaksanaan segala dasar dan inisiatif dari Kerajaan. Kerajaan adalah penentu dasar pentadbiran negara dan dasar tersebut hendaklah dilaksanakan oleh perkhidmatan awam dengan berkesan untuk kebaikan rakyat dan negara. Kerana itulah kerajaan yang ada sekarang ini amat menyanjung tinggi dan berterima kasih kepada para penjawat awam yang telah sekian lama bersama pentadbiran ini saling bergandingan dan lengkap melengkapi. Kerajaan sentiasa memberi pelbagai inisiatif demi membela kepentingan dan menjaga kebajikan penjawat awam.

163. Sebagaimana diumumkan di peringkat pusat, Kerajaan Negeri juga akan memberikan bayaran khas sebanyak 1500 ringgit kepada semua penjawat awam. Bayaran ini akan dibuat

dua kali iaitu seribu ringgit pada awal Januari 2018 dan 500 ringgit lagi menjelang Hari Raya Aidilfitri tahun hadapan. Tidak dilupakan kepada pesara Kerajaan, bayaran khas sebanyak 750 ringgit iaitu 500 ringgit dibayar pada Januari 2018, dan 250 ringgit dibayar menjelang Hari Raya Aidilfitri.

PENUTUP

164. Pembentangan Bajet Negeri pada kali ini adalah bersifat inklusif dan Pentadbiran ini berharap segala perancangan pembangunan yang dirangka mendapat sokongan dari semua pihak memandangkan kejayaan tidak dapat dicapai dalam sekelip mata. Kerajaan ini sedar bahawa kemajuan dalam pembangunan tidak memberi sebarang makna sekiranya rakyat masih ketinggalan. Oleh itu, pembangunan dan kebajikan rakyat akan diseimbangkan demi memastikan tiada siapa pun yang ketinggalan.

Demikianlah pembentangan Bajet 2018, saya mohon mencadangkan.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.